

Erti isteri sebenarnya kepada suami, menurut pendapat Mahathir

U.M. 16 APR 1975

KAUM wanita hari ini diseru supaya membantu 'rakan-rakan' lelaki mereka untuk membangunkan negara.

Wanita yang menjadi isteri adalah rakan yang amat penting sekali kerana sumbangannya kepada pembangunan negara tidak kurang dari wanita-wanita bekerja yang 'merdeka'.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamed, berkata demikian hari ini ketika membentangkan kertas kerjanya dalam Seminar Majlis Kebangsaan Pertubuhan Pertubuhan Wanita Malaysia yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini antara 14 hingga 18 April ini.

Menurut beliau lelaki yang bekerja teruk untuk pembangunan negara sangat 'bergantung ke-

KUALA LUMPUR,
15 APRIL

pada ketenangan fikiran' kepuasan hati, kejayaan diri yang timbul dari rumah tangga yang 'bahagia'.

"Apakah ertinya rumah tangga yang bahagia dengan tiadanya rakan yang teragung dalam dunia isteri," katanya.

Beliau menjelaskan dengan menjadi isteri sahaja, menjaga rumah tangga, memberi perangsang kepada semangat suaminya dan dengan hanya mengasihinya, sang isteri sudahpun menjadi rakan dalam pembangunan.

Bagaimanapun dalam soal perkongsian di antara lelaki dan wanita, Dr. Mahathir berharap pendapat dan amalan dari barat janganlah diterima secara mudah sebagai sesuatu yang sempurna.

Menurut beliau perkongsian bukanlah sama

ertinya dengan persamaan, tetapi jika tidak ada persamaan tidak pula bermakna tidak ada perkongsian.

"Oleh kerana kita asyik dengan soal keadilan selalu sahaja kita membelakangkan adanya atau baiknya perkongsian," tegas beliau lagi.

Mengenai hal ini, katanya, kita tidak mahu perjuangan untuk mencapai persamaan di dalam perkongsian mengaburkan matlamat-matlamat pembangunan dan juga menghalang kemajuan ke arahnya.

Menyentuh tentang perubahan fikiran yang berlaku dalam hubungan antara lelaki dan wanita dalam kertas kerjanya bertajuk "Wanita Dalam Zaman Perubahan Dunia Hari Ini", Dr. Mahathir mengatakan perubahan itu berasal dari barat dan berdasarkan kepada kebendaan yang mana kita harus menilaikannya dengan lebih kritis.